



جَاهُ الْإِسْلَامِ نِجَرِي سَابَا
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

خطبة الجمعة
Khatib al-Jum'at

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

11 SYAABAN 1447H / 30 JANUARI 2026M

“TARBIAH GENERASI ERA TEKNOLOGI”

Disediakan oleh

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada (PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU) :

- ▶ Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi Khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- ▶ Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu Khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- ▶ Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Kariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- ▶ Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- ▶ Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran dan Hadis yang terkandung di dalamnya.
- ▶ Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 hingga 15 minit sahaja.



Mohon imbas QR
code ini jika ada
sebarang cadangan
penambahbaikan.
Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْعَمَنَا بِنِعْمَةِ الْإِيمَانِ وَالْإِسْلَامِ وَأَكْرَمَنَا بِخِلَافَتِهِ مِنْ جَمِيعِ
الْعَالَمِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ
إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: وَلَا تَقْفُ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ إِنَّ السَّمْعَ وَالْبَصَرَ وَالْفُؤَادَ كُلُّ
أُولَئِكَ كَانَ عَنْهُ مَسْئُولًا.

JAMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Khatib ingin menyeru kepada para jamaah sekalian, agar bersama-sama berusaha meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT. Antara usaha untuk meningkatkan nilai takwa kepada Allah SWT ialah dengan kita memperbaiki amal ibadah dan mendidik zuriat yang dianugerahkan kepada kita dengan acuan syariat Islam. Khatib ingin mengingatkan para jamaah agar memberikan sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara yang sia-sia (*lagha*) seperti berbual kosong, bermain telefon atau tidur. Justeru, marilah kita menghayati Khutbah Jumaat pada hari ini yang bertajuk: **“Tarbiah Generasi Era Teknologi.”**

SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH SWT,

Pada pertengahan Januari lalu telah bermula takwim persekolahan bagi tahun 2026. Ramai ibu bapa telah mempersiapkan keperluan anak-anak sekolah dengan persiapan yang amat rapi. Dalam persiapan ini pihak pemerintah juga telah menyediakan bantuan awal persekolahan bagi

meringankan beban keluarga menghadapinya. Komitmen sebegini menunjukkan keprihatinan banyak pihak terutama bagi ibu bapa yang berhadapan dengan pelbagai karenah semasa.

Satu hakikat yang perlu kita sedari ialah fasa pendidikan seperti ini bukanlah permulaan jadual pembelajaran yang baharu, tetapi ianya permulaan fasa tarbiah yang sangat penting. Pada zaman ini, anak-anak kita membesar dalam suasana teknologi yang serba pantas. Kecanggihan telefon pintar, internet dan media sosial sudah menjadi sebahagian daripada kehidupan seharian mereka.

JAMAAH JUMAAT YANG DIREDAI ALLAH SWT,

Teknologi merupakan salah satu nikmat Allah SWT. Namun tanpa panduan ilmu, iman dan akhlak, teknologi boleh menjadi punca kelalaian terhadap perkara wajib seperti solat, menjaga adab dan tanggungjawab. Firman Allah SWT dalam surah al-Isra' ayat 36 yang dibacakan pada awal khutbah tadi:

وَلَا تَقْفُ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ إِنَّ السَّمْعَ وَالْبَصَرَ وَالْفُؤَادَ كُلُّ أُولَٰئِكَ كَانَ عَنْهُ
مَسْئُولًا ﴿٣٦﴾

Maksudnya: *“Dan janganlah engkau mengikut apa yang engkau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya, sesungguhnya pendengaran dan penglihatan serta hati, semua anggota itu tetap akan ditanya tentang apa yang dilakukannya.”*

Ayat ini menjelaskan kepada kita tentang kepentingan menekuni sesuatu perkara dengan ilmu pengetahuan. Begitu juga halnya berkaitan dengan teknologi, penggunaan internet dan aplikasi media sosial. Jika semua perkara ini tidak ditapis dengan ilmu, adab dan akhlak islamiah, boleh jadi

ia membawa padah, kerosakan bahkan musibah kepada penggunanya. Ibarat pisau yang tajam, jika disalahgunakan bukan manfaat yang diperoleh, tetapi mudarat yang mendatang. Justeru, peranan tarbiah kepada generasi perihal teknologi ini, wajar diberi penekanan di awal proses pendidikan sama ada di rumah ataupun di sekolah.

SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI,

Dalam usaha mentarbiah generasi hari ini, peranan ibu bapa bukan sekadar menyediakan keperluan peralatan dan kelengkapan pendidikan, akan tetapi peranan ibu bapa bermula dari rumah dengan memberi perhatian perkara berikut:

Pertama, didikan menjaga adab dan akhlak. Akhlak ini bukan berkisar penjagaan adab kepada ibu bapa sahaja, malahan adab sesama adik beradik, saudara mara, adab kepada orang lebih tua dan juga adab kepada guru-guru di sekolah.

Kedua, penjagaan solat dan keutamaannya. Walaupun dalam keadaan sesibuk mana urusan anak-anak dengan pelajaran dan hal ehwal pendidikan, kewajipan melaksanakan solat tetap menjadi keutamaan. Kerana dengan melakukan ibadah solat, ianya akan menghubungkan komunikasi langsung antara hamba dengan Allah SWT yang Maha Pencipta. Cuba kita bayangkan dalam dunia teknologi ini, kita akan kehilangan punca jika rangkaian telefon terputus hubungan atau ketiadaan alat komunikasi. Begitulah halnya dengan ibadah solat, selain sebagai tanda pengabdian diri, ia juga tanda kebergantungan manusia kepada Allah SWT.

MUSLIMIN YANG DIMULIAKAN ALLAH SWT,

Perkara ketiga yang perlu ditekankan oleh ibu bapa ialah kepentingan pengurusan masa dan aktiviti lain. Sememangnya tidak dapat dinafikan penggunaan teknologi berkait rapat dalam urusan seharian. Baik urusan peningkatan kerjaya sehinggalah kepada hiburan serta komunikasi di media sosial semata-mata. Ibu bapa harus bertegas dalam menyusun dan menekankan disiplin tentang kepentingan mengurus masa dan aktiviti teknologi ini. Penggunaan gajet, tablet atau skrin televisyen hendaklah dihadkan. Ibu bapa juga perlu cakna dengan peraturan serta pemantauan yang melibatkan anak-anak dalam media sosial seperti *Youtube, Whatsapp, Tiktok, Instagram* dan sebagainya. Oleh itu biarlah kita dan generasi yang mengawal kemudahan teknologi tersebut, bukan sebaliknya teknologi yang mengawal kita.

Pembentukan karakter dan budaya generasi, banyaknya terletak di bawah tanggungjawab ibu bapa. Sesuai dengan hadis Nabi SAW yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim:

كُلُّ مَوْلُودٍ يُوْلَدُ عَلَى الْفِطْرَةِ، فَأَبَوَاهُ يُهَوِّدَانِهِ أَوْ يُنَصِّرَانِهِ أَوْ يُمَجِّسَانِهِ.

Maksudnya: *“Setiap anak yang dilahirkan itu dalam keadaan fitrah. Kedua ibu bapanya lah yang menjadikannya Yahudi, Nasrani atau Majusi.”*

JAMAAH JUMAAT YANG DIMULIAKAN,

Selain itu, peranan para guru di sekolah juga tidak kurang pentingnya. Guru di sekolah akan menjadi murabbi dan *qudwah* yakni contoh teladan. Guru bukan sahaja menyampaikan ilmu, bahkan membantu membentuk disiplin generasi, adab dan etika mereka ketika menggunakan teknologi sebagai alat bantu pendidikan. Selain ibu bapa, guru dan masyarakat turut berperanan dalam melengkapi tarbiah ini dengan mewujudkan persekitaran yang sihat dan selamat semasa menggunakan teknologi.

Persekitaran yang penuh adab dan tatasusila mencerminkan sebuah masyarakat yang harmoni dan bertanggungjawab sesama insan. Firman Allah SWT dalam surah al-Maidah ayat 2:

...وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ ۖ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ ۚ ... ﴿٢﴾

“...Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan dalam (mengerjakan) kebajikan dan takwa, dan janganlah kamu tolong-menolong dalam (mengerjakan) dosa dan permusuhan...”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي
هَذَا وَاسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتُهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا كِبَاوَه دُولِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قَادُوكْ بَكِينْدَا يَغْ دَفَرْتَوَانْ أَكُورْ وَعَلَى فَخَّامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانْ يَغْ تَرَاوْتَامْ يَغْ دَفَرْتَوَانْ نَكْرِي سَابِه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ أَمْنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَءُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, tolonglah saudara-saudara kami yang tertindas di bumi barakah Palestin dan di setiap tempat. Ya Allah, jadilah Engkau Pelindung, Penolong dan Penyokong mereka. Ya Allah, timpakanlah kekuasaan-Mu ke atas orang-orang zalim dan goncangkanlah bumi di bawah kaki mereka.

Ya Allah, naungilah kehidupan negeri dan juga negara kami dengan Rahmat-Mu. Hiasilah diri kami dengan sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat

yang keji. Satukanlah hati kami dalam menegakkan kebenaran dan mencegah kemungkaran. Perelokkanlah pekerti kami dengan jalinan perpaduan, sentiasa berlapang dada dan mengutamakan sikap tabayyun serta ilmu dalam setiap tindakan.

Ya Qadiyal hajat, jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjamaah, menunaikan zakat, berpuasa pada bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Ya Allah, berkatilah kami serta limpahkan kasih sayang-Mu kepada kami dalam bulan Syaaban dan temukanlah kami dengan bulan Ramadan. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua, Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedarkan oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA:

Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan hadis Rasulullah SAW.
Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi:

Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

no. Telefon: [088-522127](tel:088-522127)

e-mel: jheains.penerbitan@gmail.com